

**SOALAN LAZIM
JOMPAY & WIN!**

1. **Soalan:**
Apakah “JomPAY & Win!”?

Jawapan:

Peraduan JomPAY & Win! adalah peraduan untuk menggalakkan peminjam PTPTN untuk membuat bayaran balik pinjaman dan berpeluang untuk memenangi hadiah dalam bentuk bayaran balik pinjaman PTPTN. Peraduan ini adalah kerjasama yang dijalankan bersama Ambank (M) Bhd dan Payments Network Malaysia (PayNet) dalam membantu usaha PTPTN ini.

2. **Soalan:**
Bilakah tempoh Peraduan JomPAY & Win! ini bermula?

Jawapan:

Tempoh peraduan ini bermula pada **1 November 2020 sehingga 31 Januari 2021**.

3. **Soalan:**
Apakah terma dan syarat untuk menyertai peraduan ini?

Jawapan:

Terma dan syarat untuk menyertai peraduan ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada semua peminjam PTPTN;
- ii. **Bayaran balik pinjaman PTPTN perlu dibuat melalui saluran JomPAY** dalam Tempoh Promosi;
- iii. Kelayakan cabutan adalah berdasarkan kepada **amaun bayaran balik pinjaman PTPTN** seperti berikut:

Bayaran Minimum	Bilangan Cabutan
RM 100	1 Cabutan

- iv. Tiada had untuk bilangan cabutan;
- v. Peraduan ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).
- vi. Sekiranya berlaku kematian peminjam dalam Tempoh Promosi, akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat pinjaman.

4. **Soalan:**
Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan penyertaan Peraduan JomPAY & Win! ini?

Jawapan:

Tidak perlu kerana kelayakan Peraduan JomPAY & Win! ini adalah automatik bagi peminjam yang layak.

4. **Soalan:**
Bilakah tarikh cabutan akan dibuat?

Jawapan:

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah 20 hari selepas tamat tempoh peraduan. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

5. **Soalan:**
Jika peminjam meninggal dunia dalam tempoh peraduan, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

Jawapan:

Layak, tertakluk kepada terma dan syarat pinjaman.

6. **Soalan:**
Apakah hadiah yang ditawarkan untuk peraduan ini?

Jawapan:

Hadiah yang ditawarkan kepada pemenang adalah:

Hadiah		Bilangan Pemenang
Pemenang Utama:	RM10,000	1
Pemenang Ke-2:	RM 8,000	1
Pemenang Ke-3:	RM 5,000	1
Pemenang Ke-4:	RM 4,000	1
Pemenang Ke-5:	RM 3,000	1
Pemenang Saguhati:	RM 500	60
Jumlah	RM60,000	65

7. **Soalan:**
Bagaimanakah makluman kepada pemenang Peraduan JomPAY & Win! akan dibuat?

Jawapan:

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: www.ptptn.gov.my.

8. **Soalan:**
Sekiranya jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, adakah pemenang masih akan menerima baki nilai hadiah tersebut?

Jawapan:

Jika jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, sebarang lebih daripada hadiah tersebut, akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan SSPN-*i* pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun SSPN-*i*, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara *pre-opening*.

9. **Soalan:**
Bilakah hadiah tunai berbentuk bayaran balik pinjaman PTPTN akan dikreditkan kepada akaun pinjaman pemenang?

Jawapan:

Hadiah tunai berbentuk bayaran balik pinjaman PTPTN yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang dalam **tempoh DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan. Pemenang boleh menyemak penyata pinjaman / simpanan di Portal Rasmi PTPTN (www.ptptn.gov.my) atau menghubungi talian *Careline* 03-2193 3000 untuk info lanjut.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh **Peraduan JomPAY & Win!***

Maklumat dikemaskini pada 3 November 2020